

BH
Berita Harian

JUMAAT, 27 OKTOBER, 2017

klassifieds

LANGGANI SEKARANG!

edisi digital

NST
DIGITAL

DIGITAL
BH

HM
ePaper

<http://subscription.nstp.com.my>

1300 22 6787



www.1k.com.my



1300 808 123 (Tempatan)



+603 2299 6000 (Antarabangsa)



Keliru PILIHAN HATI



**DAPATKAN
DI SINI!**

DI DALAM :
TEMPAHAN
DAN
CARIAN

ALAT SOLEK sangat sinonim apabila dikaitkan dengan remaja perempuan. Bukan saja yang berkerjaya, bahkan yang masih di bangku sekolah juga sudah gemar mengenakan alat solek seperti pelembap bibir dan celak ke sekolah.

Harus anda tahu, pemakaian gincu belum tentu sesuai untuk semua wanita. Adakalanya kita menemui wanita yang menggunakan gincu, namun warnanya tidak sesuai dengan penampilan mereka.

Untuk menghindari kesalahan seperti itu, penulis akan berkongsi

tip cara memilih gincu yang sesuai dengan penampilan anda.

Pilih warna yang tepat

Bagi menyerlahkan penampilan diri, anda harus memilih warna yang natural dan bersesuaian dengan warna bibir anda. Lihat saja

lambakan jenama gincu di pasaran dengan warna yang pelbagai pasti membuatkan anda rambang mata. Jangan membeli kerana nafsu semata-mata. Pilihlah yang serasi dengan anda!

Jika bibir anda berwarna pucat, gincu yang berwarna merah muda atau 'beige' adalah pilihan yang tepat. Bagi yang warna bibirnya kemerah-merahan, warna coklat muda atau merah

terang sangat sesuai dan menonjolkan diri anda yang sebenar.

Namun, jika bibir anda berwarna gelap atau kehitaman, gincu warna ungu sangat menyerlah di samping dapat menutup warna bibir anda yang gelap.

Sesuaikan dengan warna kulit

Setiap individu dilahirkan dengan warna kulit yang berbeza. Lantaran itu, pemilihan warna gincu yang tidak sesuai dengan warna kulit anda hanya akan mencacatkan penampilan diri anda. Mungkin anda rasa diri anda cantik, namun tidak bagi orang lain yang terus-terusan mengkritik anda dalam diam.

Perlu anda tahu, tidak semua orang sesuai mengenakan warna merah muda, merah terang atau oren. Justeru, pilih yang sesuai dengan kulit agar anda tidak kelihatan terlalu melampau. Untuk yang berkulit putih, anda tidak perlu pening memilih warna kerana pastinya semua warna sesuai untuk anda gayakan.

Remaja yang kulitnya kuning langsung, warna gincu yang sesuai untuk anda ialah merah ceri atau merah gelap manakala untuk kulit berwarna coklat dan gelap, penulis cadangkan mencuba warna karamel, merah jambu, coklat kopi, coklat gelap atau plum.

Cuba dulu baru beli

Di kedai kecantikan dan menjual alat solek lazimnya mereka akan menyediakan gincu khas untuk diuji pengguna. Anda boleh menggunakan kesempatan ini untuk mencuba dan memilih warna gincu yang sesuai dengan warna kulit dan penampilan diri anda.

Dalam pada itu, kita boleh mengetahui sama ada tekstur gincu itu berkilat, kabut atau sebagainya. Untuk pengetahuan anda, tekstur gincu yang kabut menjadikan bibir anda kelihatan nipis manakala yang kilat akan memperlihatkan bibir anda kelihatan seksi dan lembap.

Menggunakan gincu adalah satu kaedah mudah untuk menjadikan muka pucat kelihatan natural. Penulis berharap tip di atas dapat memberi manfaat kepada anda. Jangan lupa untuk mencuba!




AUTO



Kereta
Trak
Bas

NOTIS



Laporan
Kewangan
Tender
Notis Am

KLASIFIKASI AM



Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot

HARTANAH



Rumah
Kedai

KERJAYA



Sepuluh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KERAJAAN



Laporan
Kewangan
Tender
Notis Umum

**LELONGAN/
GUAMAN**



Hartanah
Lelongan
Guaman